

## BERITA Selatan

Unit tidak langsung Avillion tandatangan MoU untuk uruskan hotel di Johor Bahru

Tarikh kemaskini: 10/04/2018



KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Unit tidak langsung Avillion Bhd, Avillion Hotels International Sdn Bhd (AHI), menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Bintang Kencana Sdn Bhd, syarikat yang bercadang membina hotel 153-bilik di Bandar Baru Uda, Johor Bahru.

AHI adalah anak syarikat milik penuh Avillion Hotel Group Sdn Bhd, yang juga dimiliki sepenuhnya oleh Kumpulan Avillion.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini, menurut Avillion Bhd, AHI akan diberikan pajakan tetap 10 tahun untuk menjalankan operasi dan menguruskan hotel baharu berkenaan.

"Ia akan memberikan rundingan kepada Bintang Kencana dalam memastikan Garis Panduan Pembinaan dalam aspek Konfigurasi Ruang Hotel, Keperluan Hotel juga Reka Bentuk serta penggunaan Bahan Pembinaan dipenuhi.

"Avillion Bhd kemudiannya akan mengendalikan operasi serta menyediakan pengurusan harian langsung dan operasi hotel berkenaan apabila ia dibuka.

"MoU berkenaan selari dengan strategi kumpulan untuk membangunkan rangkaian hotel diuruskan Avillion. Pelantikan oleh Bintang Kencana dijangka memberikan sumbangan positif kepada keuntungan pada masa hadapan Kumpulan Avillion, tanpa mengambil kira keadaan tidak dijangka," kata Avillion Bhd.

-- BERNAMA

### MENARIK

- Operasi menyelamat dilancar selepas dua bot terbalik akibat ribut di Phuket
- Nelayan dilapor hilang dijumpai selamat
- Johor sudah lama amal dasar lantik ahli PBT wanita
- Tahap pencapaian pendidikan di Sabah agak mendukacitakan - Mohd Shafie

### BERNAMA WebTV LIVE



Be the first of your friends to like this

### Tweets by @bernamadotcom

 **BERNAMA** verified @bernamadotcom  
The Ringgit opens marginally lower against the US dollar. At 9.00 am, the Ringgit was quoted at 4.0420/0450 against the US dollar compared to 4.0410/0450 on Thursday.

1 5m

Embed

View on Twitter